



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 UNTUK PEMAIN INDUSTRI PENERBANGAN DAN PELABUHAN

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) sedar bahawa sektor logistik menerima impak besar akibat pandemik COVID-19 sejak ia menular di Malaysia. Namun, seluruh pekerja sektor logistik sama ada dalam industri penerbangan mahupun pelabuhan terus bekerja keras tanpa mengenal erti penat lelah bagi memastikan pembekalan vaksin untuk rakyat Malaysia berjalan lancar. MOT amat menghargai peranan yang dimainkan oleh seluruh warga di sektor logistik.

MOT turut menyedari keperluan para pekerja dalam industri ini untuk menerima suntikan vaksin secepat mungkin. Ini juga akan membantu negara dalam persiapan membuka pintu sempadan serta pemulihan semula ekonomi setelah keadaan kembali selamat. Justeru itu, usaha giat sedang dilakukan untuk mempercepatkan pemberian vaksin kepada para pekerja di sektor logistik.

Senarai nama penerima yang layak telah diserahkan kepada Pasukan Petugas Imunisasi COVID-19 (CITF) yang merangkumi pekerja-pekerja dalam industri penerbangan dan pelabuhan yang berkhidmat di bawah Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Malaysia Airlines Berhad, AirAsia, Malindo Air serta pelabuhan-pelabuhan dan pelaut di bawah MOT.

Sehingga 4 Jun 2021, seramai 1,725 (19%) daripada 9,340 kakitangan yang layak di bawah MAHB dan anak syarikatnya telah menerima suntikan vaksin. Seramai 399 kakitangan didapati tidak layak menerima vaksin pada ketika ini kerana faktor yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk ibu hamil atau menyusu, atau lain-lain faktor perubatan.

Dalam masa sama, saya juga telah berbincang dengan Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi, YB Khairy Jamaluddin mengenai perkara ini, dan beliau memberi jaminan bahawa CITF akan mempercepatkan program vaksinasi untuk sektor logistik.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA  
9 JUN 2021**

-TAMAT-

---

**Pertanyaan Media**  
Kementerian Pengangkutan Malaysia  
Unit Komunikasi Korporat

Hotline 1-800 - 88 - 7723  
E-mel [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

